



Prof Daing Mohd Nasir bersama delegasi UMP pada majlis pecah tanah projek pembinaan ECRL, baru-baru ini.

PLKI ECRL bantu graduan ceburi industri rel

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Graduan berpeluang menceburi serta membina kerjaya dalam industri rel melalui pelaksanaan projek pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan Pantai Barat.

Dalam konteks ini, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dilantik sebagai Universiti Fokal bagi menerajui Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) ECRL hasil kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) serta Syarikat Komunikasi dan Pembinaan China (CCCC).

Tumpuan kerjasama itu membabitkan pelbagai aspek seperti pengambilan dan pendaftaran peserta, pembangunan silibus, latihan profesional dan industri, penyediaan tenaga pengajar, kemudahan latihan, penyelidikan dan pembangunan, serta menyokong agenda kebolehpasaran graduan.

Naib Canselor UMP, Prof

Datuk Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim, berkata kepakaran dimiliki universiti itu dan Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) begitu relevan untuk menyumbang ke arah kelancaran serta kebolehpasaran projek berkenaan.

"PLKI ECRL akan melatih 3,600 graduan dalam tempoh tujuh tahun. Pada peringkat ini, lebih 300 tempat ditawarkan kepada lepasan universiti yang berkelulusan dalam bidang kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrikal.

Jumlah sasaran

"Bilangan pelatih PLKI ECRL akan meningkat mulai Disember depan dengan pengambilan kedua membabitkan 250 graduan bagi mencapai jumlah sasaran 700 orang dilatih hingga akhir tahun depan pada peringkat sijil, diploma dan ijazah," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Selain UMP, antara institusi terbabit pelaksanaan PLKI ECRL ialah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Mengulas lanjut, Prof Daing Mohd Nasir berkata, program itu akan diselenggarakan oleh pihak MRL dengan kerjasama Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) UMP.

Bangunkan silibus

Beliau berkata, UMP sudah membangunkan silibus dengan kerjasama pihak Beijing Jiaotong University dan Southwest Jiaotong University membabitkan perongsian ilmu pengetahuan dan teknologi dalam bidang pengangkutan kereta api.

"Gabungan kerjasama ini bakal dimanfaatkan industri dan komuniti akademik dalam melatih graduan tempatan bagi memenuhi keperluan industri kereta api, keusahawanan serta bidang lain berkaitan," katanya.

Sementara itu Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang juga Ketua Koordinator Program PLKI ECRL UMP, Prof Dr Rizalman Mamat, berkata pihaknya sudah menerima lebih 1,000 permohonan penyertaan daripada lepasan ijazah dan diploma.